

24/04/2001

'Mutu pencapaian pelajar seimbang'

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Isnin - Tokoh pendidikan, ahli akademik, pemimpin kesatuan guru dan tokoh korporat menyifatkan rancangan yang digariskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) sebagai komitmen kerajaan untuk memajukan sistem pendidikan negara.

Tokoh pendidikan, Tan Sri Dr Wan Zahid Noordin, berkata penekanan terhadap mutu pencapaian pelajar di sekolah luar bandar dan kawasan pedalaman membuktikan keprihatinan kerajaan untuk memastikan kemudahan pendidikan dinikmati semua golongan.

Beliau berkata, dasar yang membanggakan itu sudah tentu dapat menghasilkan keseimbangan pencapaian pendidikan antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Penekanan bagi meningkatkan pencapaian pelajar Bumiputera dalam bidang sains, matematik dan bahasa Inggeris juga membuktikan kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kaum berkenaan.

"Perjuangan serampang dua mata menerusi Dasar Ekonomi Baru itu nampaknya masih berterusan dan ini membuktikan kerajaan komited untuk menghasilkan mengimbangi pencapaian antara kaum di negara ini," katanya.

Ketika membentangkan RM-8 di Parlimen hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara lain berkata, penekanan akan diberi untuk memperbaiki pencapaian pelajar di sekolah luar bandar dan kawasan pedalaman dengan menambah serta menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan sokongan pembelajaran.

Selain itu, katanya, tumpuan akan diberi bagi meningkatkan pencapaian pelajar Bumiputera terutama dalam bidang sains, matematik dan bahasa Inggeris menerusi kaedah pengajaran yang lebih berkesan, penyediaan kemudahan pendidikan yang lebih baik dan pembinaan lebih banyak sekolah berasrama penuh.

Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat, Dr Abdul Rahman Daud, pula berkata penekanan terhadap pendidikan dalam bidang sains dan teknologi adalah sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara industri.

Bagaimanapun, katanya, Bumiputera sendiri perlu mengambil bahagian dalam dasar dan rancangan yang dilaksanakan termasuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengikuti pengajian dalam bidang sains dan teknologi.

"Guru Bumiputera sendiri perlu mencari jalan untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang lebih menarik dan berkesan.

"Pada masa sama, Kementerian Pendidikan perlu memberi pendedahan kepada guru untuk menggunakan pelbagai teknologi pendidikan," katanya.

Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Mohd Yusof Othman, pula berkata kerajaan perlu mencari jalan untuk menarik golongan yang mencapai kecemerlangan dalam subjek pelajaran sains, matematik dan bahasa Inggeris menyertai profesion keguruan.

Katanya, cara itu dapat memastikan pengajaran bagi subjek terbabit menjadi lebih baik dan berkesan.

"Malangnya ketika ini mereka yang mendapat kejayaan cemerlang dalam bidang sains dan teknologi tidak berminat menyertai profesion keguruan kerana sektor di luar bidang pendidikan menawarkan pendapat lebih lumayan.

"Oleh itu, kerajaan perlu mencari jalan untuk menarik golongan ini menyertai profesion berkenaan supaya dapat membantu meningkatkan mutu pendidikan negara serta melahirkan pelajar yang berminat dengan bidang

sains dan teknologi," katanya.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk David Chua, berkata tindakan kerajaan mengkaji semula sistem pendidikan untuk menyediakan kemahiran yang diperlukan adalah tepat pada masanya bagi memastikan kurikulum dalam setiap kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran.

Beliau berkata, walaupun kerajaan menyediakan peruntukan yang banyak untuk pendidikan tetapi pada masa sama, mutu pendidikan harus dikawal.

"Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) harus peka terhadap keperluan sumber tenaga manusia di pasaran dan kursus yang ditawarkan harus selaras keperluan pasaran," katanya.

Katanya, IPTA perlu mengkaji dan merombak kurikulum dalam kursus yang ditawarkan untuk memastikan ia menepati keperluan pasaran.

Selain itu, katanya, IPTA dan IPTS boleh memperbanyakkan dialog dan seminar dengan pihak swasta untuk memastikan kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran.

(END)